



BEBERAPA penduduk cuba memindahkan beberapa peralatan selepas rumah mereka dilanda banjir kilat di Kampung Tanjung Keling, Melaka semalam.

Longkang tersumbat punca 15 rumah dilanda banjir

MELAKA – Longkang yang sempit dan tersumbat menyebabkan 15 buah rumah di Kampung Tanjung Keling di sini dilanda banjir kilat semalam.

Dalam kejadian pada pukul 9 pagi itu, air dari longkang berdekatan melimpah masuk ke dalam rumah penduduk selepas hujan lebat melanda sejak pukul 7 pagi.

Menurut salah seorang penduduk, Jamilah Zakaria, 67, dia hanya mengetahui kejadian itu selepas dimaklumkan oleh seorang jiraninya yang menyedari air melimpah masuk di beberapa rumah di kawasan itu.

“Ketika kejadian, saya ti-

ada di rumah kerana menghantar suami, Yusop Jaoh, 77, yang menghidap asma pergi ke klinik untuk menerima rawatan.

“Selepas dimaklumkan mengenai banjir kilat itu, saya bergegas pulang dan terkejut apabila mendapati keseluruhan rumah sudah dinaiki air,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Faizal Md. Nor, 30, berkata, ini adalah kejadian kali kedua dan dia sempat menyelamatkan perabot dan beberapa barangan lain daripada terjejas oleh banjir kilat tersebut.

“Saya percaya banjir ini

berlaku kerana keadaan longkang berdekatan rumah kami yang tidak dibersihkan dengan sempurna,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Tanjung Keling, Khairulazni Baharuddin berkata, banjir kilat berlaku kerana longkang tidak dapat menampung jumlah air yang banyak ekoran hujan lebat.

“Saya meminta pihak yang bertanggungjawab supaya memperbesar dan membersihkan longkang bagi memudahkan air mengalir sekali gus mengelak kejadian ini daripada berulang,” katanya.